



HIDUP MELAYU BERSATU

ABDUL GHANI OTHMAN

HIDUP MELAYU BERSATU

Tulisan-tulisan dalam buku ini adalah hasil kutipan idea dan pemikiran daripada ucapan atau perbincangan dalam majlis politik mahupun program yang berkaitan, sepanjang diberi amanah mengetuai pentadbiran negeri Johor sejak Mei 1995. Idea dan pemikiran itu digarap semula dengan hujah-hujah yang turut mengambil kira keadaan semasa sambil meletakkan sejarah perjuangan kemerdekaan dan warisan sebagai asas serta landasannya.

Saya berasa terpanggil untuk menggarap semula pemikiran serta idea dalam bentuk penulisan ini, berikutan kita sentiasa berhadapan dan diselubungi oleh isu-isu yang diketengahkan secara sengaja mahupun tidak. Ini semua berlaku di saat-saat kita sepatutnya berbangga kerana melepasi satu tempoh masa agak panjang, iaitu selepas lebih setengah abad negara kita merdeka.





HIDUP MELAYU BERSATU





HIDUP MELAYU BERSATU

Abdul Ghani Othman



Pejabat Menteri Besar Johor
(Unit Media dan Komunikasi)
2009

PUSTAKA PERDANA



1012646

Cetakan Pertama, 2009

© Pejabat Menteri Besar Johor (Unit Media dan Komunikasi), 2009

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian daripada kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or taransmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or any information storage, retrieval system, without the prior permission in writing from the publisher.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan - dalam - Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia Cataloging - in - Publication Data

Abdul Ghani Othman, Dato', 1946-
Hidup Melayu bersatu / Abdul Ghani Othman.

Mengandungi indeks
ISBN 983-43671-0-7

ISBN 983-43671-1-4 (kkt.)

1. Malays--Malaysia--Politics and government. 2. Malays--Malaysia--
Political activity. 3. Malaysia--Politics and government. I. Judul.
959.521

Diterbitkan oleh
Pejabat Menteri Besar Johor
(Unit Media dan Komunikasi)
Lot 4 & 5, Aras 13, Menara TH,
Jalan Ayer Molek, 80000, Johor Bahru
<http://www.pmbj.gov.my>
<http://www.medkom.my>

220.9595
A 10

Kandungan

Puisi Perjuangan Sepanjang Hayat	vi
Prakata	ix
1. Lahirnya Sebuah Negara Bangsa	1
2. Mengabadikan Agenda Melayu	17
3. Menegakkan Perlembagaan	33
4. Dilema Baru Melayu	49
5. Memperkasakan Pendidikan Melayu	81
6. Bahasa Paksi Tamadun	107
7. Memperteguhkan Benteng Budaya	131
8. Kelangsungan Hidup Ummah	153
9. Integriti dan Maruah	185
10. Masa untuk Menilai Diri	203
11. Erti Mewarisi Kepemimpinan	225
12. Hidup Melayu Bersatu	245
13. Mempertahankan Formula Warisan	265
14. Tanggungjawab Bersama	283
Puisi Perjuangan Sepanjang Hayat II	298
Glosari	303
Indeks	305



Perjuangan Sepanjang Hayat

Bersatulah bangsaku, bersatulah
Di hadapan sana menanti cabaran tak terjangkau
Ombak ribut taufan kan menyerang
Seperti sejarah silam yang telah memahatkan
Keruntuhan Melaka masa lalu
Dek kelemahan bangsaku

Ingatlah, bangsaku,
Hanya perpaduan menjadi benteng ampuh!
Hanya perpaduan menjadi benteng ampuh!
Hanya perpaduan menjadi benteng ampuh!

Kejayaan bangsa dan negara selamanya
Ditegakkan dari tonggak perpaduan
Kerana perpaduanlah penjajah diusir berambus pergi
Kerana perpaduanlah kemerdekaan dicapai sebeb-bebasnya
Kerana perpaduanlah komunis dihapuskan ke akar-akarnya
Kita lalu mendirikan sekolah, membina masjid, hospital
Gedung besar untuk kita kecapi bersama
Membangunkan ekonomi bangsa
Menukar rimba belantara menjadi kota besar
Kilang tersergam di mana-mana
Ladang menghijau hasil mahsulnya melimpah-ruah
Pelabuhan dan jalan raya pun terbentang untuk semua
Anak-anak ke sekolah, ke universiti
Orang muda bertungkus lumus mengumpul rezeki
Yang tua hidup aman sejahtera di rumah sendiri

Hanya perpaduan yang teguh, persatuan yang kukuh
Akan menyelamatkan bangsa daripada dihancurkan
Oleh onar dalam dan onar luar
Oleh oportunist dan pengkhianat yang licik
Menabur duri dan onar sepanjang jalan menuju wawasan besar kita

Maka ayuhlah kita semua menginsafi diri
Bahawa di kampung, dan di desa, di bandar juga di kota
Racun fitnah dan pemboghongan telah tersebar
Dan membangkitkan kebencian dan permusuhan

Percayalah, semua ini telah disemai oleh tangan kita sendiri
Oleh bangsa sendiri yang telah lupa diri
Dan mabuk dalam nikmat kemakmuran
Dihasut dengki peribadi dan ketamakan diri
Telah berpecah belahlah bangsa kita
Dalam segenap bidang kehidupan
Dan si petualang itu sedang merayau-rayau di udara
Sesekali melangkah ke bumi sesekali meninggi ke awan
Ada yang sedang bersembunyi di hutan subur kita
Ada yang sedang berlayar di lautan luas kita
Di sungai-sungai bumi tanah air kita
Mereka sedang menunggu waktu terbaik
Untuk merampas dan menjarah apa yang kita nikmati

Inilah sumpah perjuangan untuk watan dan bangsa merdeka
Dan perjuangan untuk watan adalah perjuangan suci
Perjuangan ini adalah perjuangan sepanjang hayat
Dalam segala bidang keagamaan, keilmuan, ekonomi dan budaya
Dan makna perjuangan suci ini harus dihayati
Dan digerakkan oleh seluruh anak watan
Kerana perjuangan ini tanggungjawab semua

Bersatulah bangsaku, bersatulah
Sesat di tengah jalan, kita pulang ke permulaan langkah
Lupakan saja tamak dan haloba yang membuahkan dendam
Amarah, dengki, khianat, kesumat dan permusuhan
Yang berasa bersalah memohon ampun, dan kita maafkan
Yang tua dihormati yang muda dikasihi

Bersatulah bangsaku, bersatulah
Ayuh kita berdiri teguh menentang
Segala cabaran dan rintangan
Jangan biarkan cita-cita besar kita kandas
Dan terjerumus ke jurang maha gelap maha dalam itu
Percayalah, sesal kemudian tidak berguna apa-apa
Rumah nenek moyang kita bangunkan
Dari jerih perit perjuangan silami ini
Jangan dibiar terlepas ke tangan orang lain
Dan di sini hari ini, berjanjilah, wahai bangsaku
Perjuangan ini perjuangan sepanjang hayat

Abdul Ghani Othman
Kembara Puisi Darul Ta'zim
Saujana, Johor Bahru
8 Februari 2001



Prakata

APABILA diberi kepercayaan mengetuai pentadbiran negeri Johor, saya menerimanya sebagai suatu amanah dengan memperkenalkan pendekatan pembangunan holistik. Pendekatan ini memastikan pembangunan dilaksanakan secara menyeluruh lagi seimbang, dengan merangkumi semua aspek kehidupan termasuk agama, pendidikan dan budaya, serta memastikan tidak ada mana-mana pihak tercicir mahupun terpinggir.

Pemikiran-pemikiran inilah yang akan ditemui dalam bab demi bab buku ini yang saya simpulkan sebagai suatu perjuangan tanpa noktah kepada orang Melayu. Tulisan-tulisan dalam buku ini adalah hasil kutipan idea dan pemikiran yang saya lontarkan di sana sini, sebagai ucapan atau perbincangan dalam majlis politik mahupun program yang berkaitan, sepanjang diberi amanah mengetuai pentadbiran Negeri Johor sejak Mei 1995.

Idea dan pemikiran itu digarap semula dengan hujah-hujah yang turut mengambil kira keadaan semasa sambil meletakkan sejarah perjuangan kemerdekaan dan warisan yang sekian lama wujud di rantau ini sebagai asas serta landasannya.

Saya berasa terpanggil untuk menggarap semula pemikiran dan idea dalam bentuk penulisan ini, berikutan kita sentiasa berdepan dan diselubungi oleh isu-isu yang diketengahkan secara sengaja atau tidak, pada saat-saat kita sepatutnya berbangga melepasi suatu tempoh masa agak panjang, melepasi tempoh 50 tahun kemerdekaan negara.

Lantaran itu, sengaja saya memulakan buku ini dengan bab mengenai perjuangan Allahyarham Dato' Onn Jaafar, bukan mengenai orangnya tetapi pemikirannya yang mencetuskan satu idea yang terus diwarisi sehingga ke hari ini. Sekalipun ia melalui pelbagai proses pengubahsuaian mengikut peredaran masa dan isu yang diketengahkan, landasan pemikirannya tidak berubah.

Daripada gerakan tersusun yang dipelopori Dato' Onn untuk mengembalikan orang Melayu berkuasa semula di tanah airnya sendiri, tetapi kali ini dengan perkongsian bersama kaum lain, terbentuklah suatu agenda perjuangan orang Melayu. Namun peredaran masa yang berlalu, lebih-lebih lagi dengan pencapaian orang Melayu hasil cernaannya suatu kejuruteraan sosial paling berkesan, iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB), telah membuka ruang perdebatan sama ada agenda Melayu itu masih relevan atau tidak. Bab ini cuba menelusuri kejayaan dan juga keyakinan orang Melayu, yang semakin ramai berjaya itu, sama ada mereka bersedia untuk bersaing di padang permainan yang masih tidak rata itu.

Dalam perbahasan yang kunjung tidak bernoktah itu, saya ingin mengajak pembaca sekalian, bukan sahaja orang Melayu malah semua kaum, supaya meneliti, memahami dan menghayati Perlembagaan Negara. Kita tidak akan keliru dan tersasar sekiranya kita faham dengan persetujuan-persetujuan yang terkandung dalam perlembagaan itu, yang bukan sahaja sudah diterima oleh semua kaum, malah diakui oleh pihak penjajah yang menjadikannya sebagai syarat sebelum memberi kemerdekaan. Begitu juga kita tidak boleh sewenang-wenangnya mencabar kontrak sosial yang menjadi landasan perlembagaan atau mentafsir sesuatu istilah mengikut selera masing-masing, tanpa bersandar kepada hakikat bahawa rakyat negara ini mempunyai pelbagai kaum yang berbeza anutan kepercayaan, budaya dan bahasa.

Lima bab berikutnya saya mengutarakan soal-soal pokok dalam agenda Melayu dalam hal-hal ekonomi, pendidikan, bahasa, budaya dan agama. Setiap satu bidang itu dihuraikan dalam kerangka agenda Melayu yang diterjemahkan daripada Perlembagaan Persekutuan. Setiap dasar dalam bidang-bidang berkenaan adalah bersifat nasional dengan mengambil kira hak dan kebebasan kaum lain, sekalipun ia berakar kepada kemelayuan.

Saya seterusnya menyalut diri sendiri dan mengajak semua pihak bermuhasabah dalam perjuangan, supaya kita benar-benar mempunyai nilai-nilai murni yang dapat membina integriti. Lantas saya kemudiannya memberi penumpuan khusus dalam satu bab mengenai Umno, iaitu kepada ahli-ahli parti itu bahawa sudah sampai masanya kita menilai diri, lebih-lebih lagi apabila Umno dapat bertahan sekian lama sehingga dapat meraikan ulangtahun penubuhannya ke-60 di Istana Besar, Johor Bahru, pada tahun 2006. .

Tumpuan khusus kepada Umno ini penting kerana parti terulung orang Melayu itu adalah satu-satunya pemegang amanah perjuangan orang Melayu. Tidak ada satu keluarga besar lain untuk orang Melayu di tanah air ini, yang sewajarnya cukup dengan kekuatan dan kedudukan untuk membela orang Melayu, melainkan Umno.

Sehubungan itu, saya tidak dapat mengelak daripada menyentuh soal kepemimpinan dan peralihan kuasa dari satu tampuk kepada satu teraju lain dalam keluarga Umno dan negara keseluruhannya, khususnya daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2003. Apa pun perubahan dan peralihan yang berlaku, ia tetap bersandarkan kepada pentingnya perpaduan antara Melayu dan antara kaum yang menjadi kunci kekuatan kepada Malaysia sepanjang lebih 50 tahun lalu.

Peri pentingnya perpaduan sesama Melayu saya ketengahkan dalam satu bab khusus yang bertajuk *Hidup Melayu Bersatu*. Harapan saya adalah tidak keterlaluan apabila bab ini mengupas sedikit kemelut yang melanda kepimpinan Umno suatu ketika dulu, sehingga menguji perpaduan Melayu. Begitu juga dengan serba sedikit peranan dan sumbangan orang Melayu Johor dalam memastikan perpaduan dalam Umno kembali utuh dan Melayu keseluruhannya pulih semula.

Ini diikuti pula dengan bab mengenai suasana pilihan raya umum yang paling mengesankan, iaitu Pilihan Raya Umum 2008, yang menyentak Barisan Nasional, Umno dan orang Melayu keseluruhannya. Maka saya mengajak pembaca melihat sedikit apa yang berlaku menjelang dan selepas pilihan raya tersebut, yang ada juga kaitannya dengan isu-isu yang telah saya utarakan dalam bab-bab awal dan sebelumnya. Demi kesedaran kita bersama, saya cuba menyelami kefahaman politik ketika Perikatan diwujudkan sebelum menempa kemerdekaan yang menjadi formula untuk diwariskan kepada kita sehingga ke hari ini.

Selaras dengan perpaduan yang menjadi kunci kejayaan negara ini menikmati kemakmuran sejak merdeka, pembicaraan buku ini diakhiri dengan usaha-usaha memahami erti kemerdekaan dan seruan menghayatinya demi kesejahteraan bersama.

Kesemua pemikiran dan hal-hal yang diutarakan bab demi bab dalam penulisan buku ini adalah suatu cerminan amat jelas bahawa ia tidak bernoktah, malah mesti terus dipertahankan dan diperjuangkan demi kelangsungan hidup bersama. Saya menamakan semua itu idea, pemikiran, penghayatan dan perjuangan diri sebagai suatu perjuangan sepanjang hayat.

Kata kunci kepada perjuangan ini yang telah dimulakan sejak dari zaman Dato' Onn lagi ialah *bersatu*. Semuanya berkisar kepada betapa pentingnya perpaduan sebagai sumber kekuatan


dalam apa jua gerakan perjuangan. Perpaduan terbukti sebagai senjata paling ampuh dalam kebangkitan menentang penjajah dan dalam proses muafakat mendapatkan kemerdekaan. Kekuatan perpaduan juga membolehkan kita mengharungi cabaran mengurus dan mentadbir negara sambil menempa kemajuan. Makna *bersatu* yang amat mendalam lagi sarat dengan pengertian itu menjadikannya suatu seruan sebagai tajuk buku ini.

Dalam buku ini, idea-idea yang sama mungkin terdapat dalam beberapa bab yang berlainan. Bagaimanapun, saya sengaja membuatnya begitu untuk mempertegaskan idea-idea tertentu yang saya kira berkait rapat dengan persoalan yang diutarakan.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan yang mendalam kepada semua pihak yang tidak jemu-jemu mendengar dan berhujah dengan saya, sambil saya sendiri menjadi pendengar yang tekun kepada perbincangan mengenai sesuatu isu mahupun idea. Saya tidak dapat menyebut di sini satu persatu nama-nama mereka yang begitu ramai. Ia berlaku dalam tempoh yang agak panjang dalam memberi sumbangan secara langsung atau tidak, dalam perbincangan demi perbincangan termasuk dalam mencatat dan mengumpul idea serta pemikiran bagi memperkayakan ucapan-ucapan dan penulisan buku ini.

Abdul Ghani Othman
Saujana, Johor Bahru,
1 Disember 2008





LAHIRNYA SEBUAH NEGARA BANGSA

LAHIRNYA SEBUAH NEGARA BANGSA

Laungan Hidup Melayu

Idea Kenegaraan Dato' Onn

Pembentukan Negara Bangsa

Mewarisi Perjuangan

Pesanan Dato' Onn

Lahirnya Sebuah Negara Bangsa

“Idea itu juga merelakan dan memberi keistimewaan kepada kaum lain untuk sama-sama menjadi rakyat, hidup bersama, berkongsi kuasa dan kemakmuran dalam sebuah negara merdeka, bebas lagi berdaulat. Semangat kebangsaan Melayu ini tidak sempit dan parochial, tetapi sesungguhnya berjiwa besar kerana membela rakyat Malaysia daripada semua kaum untuk sama-sama menggapai kebebasan, keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan.”

RIBUAN tahun perjalanan dan lalu lintas manusia dari barat ke timur atau dari timur ke barat telah menyaksikan betapa kelompok-kelompok Melayu telah bermastautin di rantau ini lebih awal daripada orang lain. Kelompok-kelompok Melayu yang terdiri daripada ratusan suku bangsa itu, walaupun mempunyai dialek dan loghat yang berlainan, tetap bersama membawa cita-cita untuk membangunkan seluruh bangsa dalam lingkungan tanah, air dan alam yang dikenali sebagai alam Melayu. Kepelbagaian itu tidak menghalang mereka maju melalui sistem masyarakat dan budaya masing-masing, dalam alam yang sama. Lalu mereka mencipta sebuah komuniti alam Melayu yang amat agung dan besar.

Hakikat bahawa tanah air ini adalah rantau Melayu diakui oleh orang luar yang sampai ke sini tidak kira dari barat, timur, utara atau selatan. Seperti yang sering diperkatakan orang bahawa negara kita inilah satu-satunya rantau di muka

bumi ini yang membawa nama Melayu – Tanah Melayu. Mereka mengakui akan identiti Melayu di rantau ini. Hanya penjajah yang cuba menukar nama bumi ini sebagai British Malaya sepertimana mereka menubuhkan British India.

Kedatangan kuasa barat menjajah orang Melayu telah meninggalkan kesan amat mendalam hingga menjadikan masyarakat Melayu begitu hina dan rendah. Penjajahan selama 450 tahun itu menyebabkan kehidupan orang Melayu menjadi daif dan miskin. Ketiadaan kuasa dan kemiskinan pula membawa kesan lebih buruk apabila orang Melayu menjadi jahil dan tidak berilmu. Tanpa ilmu, daya fikir orang Melayu menjadi lemah dan keadaan ini diburukkan lagi oleh perasaan rendah diri. Namun ia tidak dapat mengubah hakikat sejarah bahawa kewujudan Melayu di rantau ini dan buminya tetap merupakan Tanah Melayu (*Malayland*).

Laungan Hidup Melayu

Dalam percubaan penjajah meneruskan penguasaannya ke atas bumi Melayu, perpaduan Melayu yang berteraskan semangat nasionalisme Melayu dicituskan hingga membawa kepada penubuhan Umno di Istana Besar, Johor Bahru, pada 11 Mei 1946. Parti terulung orang Melayu itu lahir atas kemuncak rasa kesatuan bangsa Melayu untuk mendapatkan semula hak di tanah air sendiri. Allahyarham Dato' Onn Jaafar dipilih sebagai Yang Dipertua pertamanya untuk memikul amanah memperjuangkan nasib bangsa Melayu. Semangat yang beliau cetuskan itu berjaya menghimpunkan dan menyatukan orang Melayu yang sama agama, bahasa dan budaya; sama ada asal keturunannya Bugis, Banjar, Jawa, Jambi, Mandahiling, Minangkabau, Aceh atau Rawa, sebagai sebuah bangsa. Penyatuan Melayu ini diikat dengan tiang seri kemelayuan, iaitu kesultanan Melayu, agama Islam, adat budaya serta bahasa Melayu.

Empat bulan sebelumnya, sebaik sahaja Inggeris dikesan mahu melaksanakan gagasan Malayan Union, Dato' Onn sudah menggerakkan perpaduan Melayu untuk mengagalkannya. Beliau mengetuai perhimpunan 1,000 orang Melayu di Masjid Jamek Batu Pahat yang terdiri daripada pelbagai asal dan keturunan. Dato' Onn menegaskan kepada mereka bahawa mulai saat itu, semuanya adalah Melayu kerana mereka datang daripada satu bangsa yang besar. Beliau mengingatkan mereka supaya bersatu agar menjadi lebih kuat. Seruan itu disambut dengan penubuhan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ).

Bermula daripada perhimpunan itu, Dato' Onn berjaya mencetuskan kebangkitan nasionalisme Melayu hingga menjalar ke seluruh pekan dan desa di sekitar Batu Pahat. Lantas orang Melayu keluar beramai-ramai, berarak dan berhimpun di tapak stadium Batu Pahat, pada 10 Februari 1946, semata-mata untuk bergabung suara dan tenaga, atas nama Melayu, menentang gagasan Malayan Union. Lebih 15,000 orang Melayu dengan diketuai Dato' Onn, berhimpun buat julung kalinya secara terbuka menentang gagasan Malayan Union. Maka bermulalah peranan Dato' Onn sebagai pejuang ke arah kemerdekaan kerana ia adalah gerakan pertama melibatkan orang Melayu secara besar-besaran menentang penjajah Inggeris. Ia adalah langkah pertama secara tersusun ke arah mencapai kedaulatan tanah air, selepas 450 tahun bangsa Melayu dijajah.

Ketika itulah Dato' Onn melaungkan *Hidup Melayu*, ungkapan keramat yang menyatukan orang Melayu sejak itu hinggalah sekarang. Sesungguhnya laungan *Hidup Melayu* bukan sekadar sebuah slogan tetapi adalah *battle cry* orang Melayu untuk kelangsungan kehidupan mereka sebagai pewaris sah di buminya sendiri.

Beliau mengetuai gerakan mendesak Inggeris mengembalikan hak orang Melayu. Hampir dua tahun lamanya beliau berhadapan dengan Inggeris hingga penjajah akhirnya

HIDUP MELAYU BERSATU



PEJABAT MENTERI BESAR JOHOR
(UNIT MEDIA DAN KOMUNIKASI)

ISBN 978-983-43671-0-7



9 789834 367107